

**Empat Objektif Utama Bangunkan Pendidikan Tinggi Negara - PM Bernama
Sept 2, 2014**

PUTRAJAYA, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merumuskan empat objektif utama dalam membangunkan pendidikan tinggi antara lain, mewujudkan pusat penjanaan ilmu dan guna tenaga yang dapat membawa serta mengisi wawasan negara.

Beliau berkata pusat penjanaan atau khazanah ilmu yang tertinggi itu mesti bertapak di negara ini dan seterusnya diperkembangkan.

"Kita juga mahu guna tenaga yang dapat membawa dan mengisi segala wawasan, transformasi dan cita-cita negara dalam menghadapi abad ke-21 serta persaingan sengit masa kini.

"Keadaan itu menuntut kita menjana serta melahirkan guna tenaga yang boleh ditempatkan sebagai mereka yang mempunyai kemampuan dan syarat cukup dalam persaingan global," katanya pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2013 edisi kelapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini Selasa.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mary Yap Kain Ching serta P Kamalanathan.

Menurut perdana menteri, objektif ketiga ialah melahirkan generasi akan datang iaitu generasi terdidik dan bukan hanya sekadar mempunyai kelulusan akademik semata-mata.

"Kita mahu generasi akan datang adalah yang terdidik, bukan sekadar mempunyai kelulusan akademik, itulah tugas kita bila sebut tentang legasi masa depan dan kepentingan anak cucu," katanya.

Objektif keempat pula, menurutnya, ialah peranan akademia yang tidak kurang pentingnya dalam membantu negara menjana kekayaan melalui kerjasama dan industri.

"Saya tekankan bahawa para akademik juga ada peranan umpamanya dalam proses inovasi negara kerana kita hendak galakkan penjanaan kekayaan melalui inovasi jadi mesti pupuk kerjasama antara akademia dan juga industri," katanya

Ujar Najib, dengan penjanaan kekayaan, maka negara akan dapat mendirikan lebih banyak lagi universiti dan institusi pengajian tinggi seterusnya melonjakkan lagi peranan sektor pendidikan ke aras lebih tinggi.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Tokoh Akademik Negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Mohd Rashdan Baba.

Beliau adalah Naib Canselor Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama tiga tahun bermula 1969 kemudian menjadi Naib Canselor Pertama Universti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) pada 1971 hingga 1982.

AAN diperkenalkan pada tahun 2006 dan sebanyak 41 ahli akademik telah menerima pengiktirafan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1065243>